

11 JUN 2001

Malaysia-Singapura

UTUSAN SINGAPURA: MALAYSIA DAN SINGAPURA KIAN RAPAT

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Semangat kejiranan dan kerjasama yang rapat antara Malaysia dan Singapura akan menyokong lagi daya tahan dan kekuatan dalam menghadapi dunia saingan yang semakin pesat, demikian menurut Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany, hari ini.

Tempoh satu tahun lepas menyaksikan pemulihan dalam suasana dan atmosfera hubungan kedua-dua negara, katanya pada majlis jamuan tengah hari anjuran Kelab Rotary, Pudu di sini.

Beliau berkata lebih banyak perkembangan positif yang berlaku berbanding yang negatif.

Dalam tahun 2000, menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew telah melawat Malaysia dan beliau disambut mesra oleh pemimpin Malaysia, katanya.

Kesavapany berkata perbincangan Lee selama dua jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nampaknya berjaya memberi suntikan yang segar kepada perhubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Menteri-menteri Singapura dan Malaysia sering bertukar-tukar pendapat untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala dan lebih banyak lagi pertukaran seumpama itu pada masa akan datang, kata beliau.

Tahun lepas, Malaysia sekali lagi menjadi rakan niaga nombor satu Singapura apabila ia menggantikan Amerika Syarikat, yang berada di tempat teratas.

Untuk kali pertamanya tahun lepas, dagangan dua hala antara Singapura dan Malaysia melonjak 34 peratus melangkaui S\$80 bilion (kira-kira RM169.6 bilion) iaitu peningkatan yang begitu memberangsangkan, kata Kesavapany.

Singapura juga merupakan rakan niaga kedua terbesar Malaysia selepas Amerika Syarikat.

Pelaburan terkumpul Singapura di Malaysia berjumlah S\$8.7 bilion (kira-kira RM18.4 bilion) dan menjadi pelabur Asean terbesar di Malaysia serta pelabur asing keempat terbesar dalam sektor pembuatan.

Kesavapany berkata hubungan yang baik antara rakyat Malaysia dan Singapura juga turut dilihat pada peringkat individu.

"Warga Singapura adalah setengah daripada jumlah pelancong yang mengunjungi Malaysia, begitu juga dengan jumlah warga Malaysia yang melawat Singapura. Kebanyakan lawatan ini ialah untuk bercuti ataupun atas urusan perniagaan.

"Tetapi, sebahagian besarnya juga turut melawat keluarga dan kawan-kawan. Tidak ramai warga Singapura yang tidak mempunyai saudara di Malaysia dan perkara yang sama di kalangan warga Malaysia. Hubungan ini akan kekal kukuh pada masa akan datang," kata beliau.

-- BERNAMA

FAY SHY AA NAK